

07 JUL 1998

Nik Aziz-Ulama

NIK AZIZ SETUJU KEHENDAK PM

KOTA BAHARU, 7 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bersetuju dengan kehendak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya ulama turut memberikan penjelasan terperinci mengenai pelbagai aspek kehidupan di dunia.

Beliau berkata, bagi mencapai matlamat itu pelajar-pelajar sekolah agama di negeri ini telah diberi penekanan dalam pelajaran sains, bahasa Cina dan Inggeris.

"Mereka mempunyai ilmu akedemik tetapi asas pendidikannya ialah ilmu agama," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Bumiputera Pasar Besar Siti Khadijah, di sini hari ini.

Ketika merasmikan majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan di Pusat Islam semalam, Dr Mahathir mahukan ulama turut memberikan penjelasan terperinci mengenai pelbagai aspek kehidupan di dunia termasuk isu alam sekitar dan ekonomi, sesuai dengan ajaran Islam yang menjadikan agama suci itu sebagai addin atau cara hidup.

Nik Aziz yang juga Mursyid Am Pas berkata, kerajaan negeri memang telah menuju ke arah itu, bahkan barisan Exco yang dilantik terdiri daripada mereka yang mempunyai pengajian dalam pelbagai bidang.

Menteri Besar berkata kerajaan negeri juga mengambil barisan pemimpin bukan sahaja daripada kalangan ulama tetapi juga ahli akademik yang sanggup menurut nasihat ulama.

Katanya, sebagai langkah ke arah itu itu Sekolah Agama (U) Maahad Muhammadi diajar dengan mata pelajaran seperti bahasa Inggeris dan sains.

Bagaimanapun, asas pendidikan mereka adalah agama bagi memastikan setelah dilantik sebagai pemimpin, pelajar berkenaan dapat mencari jalan pertimbangan supaya selaras dengan kehendak Islam, katanya.

-- BERNAMA

MNR FAZ